

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. TUAN TEO KOK SEONG**  
**KAWASAN : RASAH**

**SOALAN:**

**YB. TUAN TEO KOK SEONG (RASAH)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci rancangan dan cadangan pihak Kerajaan untuk menyelesaikan kesesakan jalan dari Kuala Pilah ke Seremban.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan Jalan Persekutuan 51 (FT51) dari Seremban ke Kuala Pilah. Kesesakan di laluan sepanjang 30km itu berlaku berikutan peningkatan jumlah trafik berikutan pembangunan pesat di sepanjang koridor Jalan Seremban – Kuala Pilah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan di laluan tersebut, Kerajaan telah meluluskan cadangan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 51 (FT51) atau lebih dikenali sebagai Jalan Bukit Putus. Projek tersebut dilaksanakan secara berfasa, iaitu seperti status berikut:

- (a) Menaik taraf Jalan Seremban – Kuala Pilah (Fasa 1: Dari Simpang Senawang ke Bukit Putus). Skop projek ialah menaik taraf jalan sedia ada dari 2 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 21km. Kos Projek RM15 juta. Siap pada November 2011.
- (b) Menaik taraf Jalan Seremban – Kuala Pilah (Fasa 2: Dari Bukit Putus ke Sek. Keb. Ulu Bendul). Skop projek ialah menaik taraf jalan sedia ada 2 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 3.5km. Kos Projek RM40 juta. Siap pada Julai 2013; dan
- (c) Menaik taraf Jalan Seremban –Kuala Pilah (Fasa 3: Dari Ulu Bendul ke Kuala Pilah). Belum dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Sembilan untuk menentukan cadangan projek fasa 3 (Ulu Bendul – Kuala Pilah) ini diberikan keutamaan yang tinggi oleh Kerajaan Negeri dalam senarai projek yang dipohon untuk negeri berkenaan dalam RMKe-11.

Sekian, terima kasih.